

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 25.09.2025 MASA: 4:00PTG

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS ANUGERAH PEKERJA CONTOH TAHUN 2025  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**29 SEPTEMBER 2025 (ISNIN)  
2.00 PETANG**

**DEWAN KENANGA, MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
SEBERANG PERAI TENGAH**

## **Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

- 1. Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai
  - 2. Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai
  - 3. Yang Berusaha Puan Siti Haslinda Binti Hasan**  
Pengarah Sumber Manusia Merangkap  
Penyelaras Anugerah Pekerja Contoh Tahun 2025
  - 4. Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai
  5. Pekerja-Pekerja Contoh Yang Diraikan
  6. Rakan-Rakan Media
  7. Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian
- .....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada petang ini dalam Majlis Anugerah Pekerja Contoh Tahun 2025 Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Majlis ini bukan sahaja berprestij, tetapi menjadi simbol penghargaan dan pengiktirafan terhadap kecemerlangan warga kerja MBSP yang sentiasa setia menabur bakti.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua penerima Anugerah Pekerja Contoh. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan di sini menyerikan majlis ini, malah menzahirkan semangat budaya menghargai dan menyanjung jasa warga kerja yang telah menjadi teras kepada pentadbiran MBSP.
3. Majlis ini diadakan setiap tahun untuk menghargai warga kerja yang telah dipilih berdasarkan pencalonan ketua jabatan dan disahkan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM). Tahun ini, 100 orang penerima anugerah daripada pelbagai jabatan dan unit telah dipilih sebagai ikon kecemerlangan MBSP.

4. Para penerima anugerah datang daripada bidang tugas yang berbeza, namun mereka disatukan oleh semangat yang sama – iaitu kecemerlangan dalam perkhidmatan. Kejayaan ini membuktikan bahawa kecemerlangan tidak bergantung kepada jenis tugas semata-mata, tetapi lahir daripada disiplin, integriti, dan dedikasi tanpa mengenal jemu.
5. Proses pemilihan ini mengambil kira pelbagai kriteria seperti rekod perkhidmatan, kehadiran, prestasi kerja, disiplin, tanggungjawab serta sikap positif yang menyumbang kepada keberhasilan organisasi. Maka, para penerima anugerah pada petang ini adalah insan-insan terpilih yang menjadi teladan dan inspirasi kepada rakan sekerja yang lain.
6. Hadiah berupa sijil penghargaan dan insentif kewangan hanyalah tanda kecil daripada pihak MBSP. Nilai sebenar pengiktirafan ini adalah pada maruah, kredibiliti dan kepercayaan yang diberi oleh organisasi kepada penerima sebagai *role model* kepada warga kerja lain.
7. Saya ingin menegaskan bahawa majlis ini bukan sekadar medan penghargaan, tetapi juga pencetus semangat baharu untuk semua warga MBSP. Jadikanlah pengiktirafan ini sebagai pembakar semangat untuk terus berkhidmat dengan penuh ikhlas dan dedikasi.

Ingatlah, kecemerlangan tidak pernah berlaku secara kebetulan, tetapi lahir daripada kerja keras, keikhlasan, serta disiplin yang konsisten.

8. Akhir sekali, marilah kita bersama-sama bertekad untuk menjadikan MBSP sebagai organisasi yang unggul, berdaya saing, dan sentiasa dekat di hati rakyat Seberang Perai. Dengan komitmen padu seluruh warga kerja, saya yakin MBSP akan terus gemilang, sejahtera dan lestari, seiring aspirasi Penang2030 dan Malaysia MADANI.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***